

23 JULY 2025

Wasco Rallies Supply Chain Partners Ahead of Malaysia's ESG Disclosure Rollout

KUALA LUMPUR, 23 July – As Malaysia moves closer to mandatory environmental, social, and governance (“ESG”) disclosures under the country’s National Sustainability Reporting Framework (“NSRF”), energy infrastructure services group Wasco Berhad (“Wasco” or “the Group”) is taking early steps to help its supply chain prepare for this shift. The focus is on supporting small and medium-sized enterprise (“SME”) vendors that may face challenges adapting to the incoming standards.

The Group will host its inaugural Sustainability Day on 29 July 2025 in Kuala Lumpur, themed **“Building a Responsible Value Chain Together.”** The full-day event is designed to raise awareness and build ESG readiness across Wasco’s vendor ecosystem. Key areas of focus include Scope 3 greenhouse gas (“GHG”) emissions, human rights due diligence, and responsible sourcing.

Fresh off its win at the 2025 Sustainability and CSR Awards Malaysia, Wasco is extending its ESG strategy beyond internal operations to support external stakeholders.

“Sustainability is no longer a peripheral issue. It is central to long-term value creation,” said **Ariesza Noor, Chief Strategy Officer of Wasco Berhad.** “With disclosure and assurance requirements expanding under the NSRF, we are stepping in to help our partners navigate what lies ahead.”

“While some companies focus on general ESG awareness, we are going deeper. We are tackling climate data, supplier transparency, and human rights due diligence through practical, sector-specific guidance,” added Ariesza.

Aligning with Malaysia's ESG Mandate

The NSRF, led by the Securities Commission Malaysia, is aligned with global standards issued by the International Sustainability Standards Board (“ISSB”). The framework requires disclosures based on IFRS S1 and S2, which cover material sustainability and climate-related risks and their impact on governance, strategy, risk management, and performance. These standards include reporting of Scope 1, 2, and 3 GHG emissions.

The implementation will be carried out in phases:

- Tier 1 Main Market PLCs, with a market capitalisation of RM2 billion and above, must begin reporting from 1 January 2025, with Scope 3 and third-party assurance required by 2027
- Other Main Market PLCs are expected to comply by 2026
- ACE Market companies and non-listed entities with revenue of RM2 billion or more will follow from 2027, with full compliance expected by 2030

Although many of Wasco's suppliers fall outside the immediate regulatory scope, expectations from financiers, global customers, and industry partners are accelerating.

"We recognise that many SMEs in our supply chain are not legally bound by disclosure rules yet. However, we also know that readiness cannot wait until regulation knocks," said Ariesza. "That is why we have stepped in early, not to audit, but to empower."

Knowledge Sharing and On-the-Ground Support

The full-day programme includes keynote presentations, a panel discussion, and vendor advisory booths offering practical ESG guidance tailored to supply chain participants. Key topics include:

- Sustainability partnerships and alignment with the Ten Principles of the UN Global Compact (UNGC Malaysia & Brunei)
- Climate action expectations and climate reporting toolkit (Bursa Malaysia)
- Human rights standards in procurement and recruitment practices (independent expert)

A featured panel titled *"From Learning to Leading: Real Stories from the Sustainability Journey"* will share real-world experiences and practical ESG approaches relevant to Malaysian SMEs navigating this evolving terrain. The session will be moderated by Freda Liu, broadcast journalist and founder of *The Shift Asia*, a platform highlighting ESG changemakers across the region.

Throughout the day, vendors will receive practical support on how to track GHG emissions, strengthen social compliance, and meet evolving procurement standards.

Wasco views Scope 3 emissions as a critical next step in its climate strategy. By strengthening engagement with suppliers, the Group is enabling practical, bottom-up progress on value chain decarbonisation.

-ends-

For any media inquiries or any participating interest from members of the media, please contact: -

Juliana Jamaluddin

juliana.jamaluddin@wascoenergy.com

+6012 340 9438

Elinar Yasmeen

elinar.yasmeen@wascoenergy.com

+6012 903 0342

About Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), established in 1999, is a prominent provider of energy solutions with a global presence across 14 countries. The Group's core strengths lie in two distinct divisions. The Energy Services Division specialises in advanced pipe coating, corrosion protection, engineering, and EPC project delivery. Complementing this, the Bioenergy Services Division focuses on biomass energy generation, catering to a varied sector including plantations, petrochemicals, oleochemicals, and large industrial players.

As a Main Market-listed entity on Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco emphasises sustainability and environmental responsibility with its decarbonisation strategy begins with reducing emissions in its operations and supply chains, coupled with the ability to offset emissions.

Reflecting its strong ESG commitment, Wasco is a constituent of the FTSE4Good Bursa Malaysia Index and the FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah Index, solidifying its role as a recognised leader in sustainability performance. In addition, Wasco is a proud participant of the United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, embedding the Ten Principles of the UN Global Compact into its strategies and operations, with a firm focus on human and labour rights, environmental protection, and anti-corruption efforts.

Wasco recognises the crucial importance of investing in the protection and restoration of natural ecosystems, particularly forests, which play a vital role in sequestering carbon. These efforts not only contribute to the preservation of the natural world and its rich biodiversity but also serve as a medium-term solution for offsetting emissions. A significant part of this commitment revolves around the 'Wasco Forest' initiative launched in 2021.

Beyond this dedication to environmental responsibility, Wasco is resolute in its commitment to the energy transition within the oil and gas sector. Recognising that a successful transition necessitates collaboration between the public and private sectors, Wasco actively seeks strategic partnerships. The Group envisions driving growth within regional green value-chains, leveraging local expertise and capabilities to shape a more sustainable future for the energy industry.

23 JULAI 2025

Wasco Perkasa Vendor PKS Menjelang Pelaksanaan Pelaporan ESG di Malaysia

KUALA LUMPUR, 23 Julai – Menjelang pelaksanaan wajib pelaporan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”) di bawah Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (“NSRF”), kumpulan perkhidmatan infrastruktur tenaga, Wasco Berhad (“Wasco” atau “Kumpulan”), mengambil langkah awal untuk memperkasa vendor perusahaan kecil dan sederhana (“PKS”) dalam rantai bekalnya sebagai persiapan menghadapi perubahan tersebut.

Wasco buat julung kalinya bakal menganjurkan Hari Kemampanan 2025 pada 29 Julai 2025 di Kuala Lumpur, bertemakan **“Membina Rantaian Nilai Bertanggungjawab Bersama.”** Acara ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan ESG dalam kalangan vendor Wasco, dengan tumpuan kepada pelepasan gas rumah hijau (“GHG”) Skop 3, ketekunan wajar hak asasi manusia, dan amalan perolehan yang bertanggungjawab.

Wasco turut mengembangkan strategi kemampanannya kepada pihak berkepentingan luar susulan penerimaan pengiktirafan di Anugerah Kelestarian dan CSR Malaysia 2025 baru-baru ini.

“Kemampanan bukan lagi isu sampingan. Ia kini menjadi asas kepada penciptaan nilai jangka panjang,” kata **Ariesza Noor, Ketua Pegawai Strategi Wasco Berhad.** “Dengan keperluan pendedahan dan jaminan semakin diperluaskan di bawah NSRF, kami mengambil peranan untuk membantu rakan kongsi kami bersiap sedia dengan persiapan yang bakal dihadapi.”

“Ketika syarikat lain memberi tumpuan kepada kesedaran umum ESG, kami memilih pendekatan yang lebih mendalam. Kami memberi perhatian kepada data iklim, ketelusan pembekal, dan ketekunan wajar hak asasi manusia melalui panduan praktikal yang bersifat sektoral,” tambah Ariesza.

Selari dengan Mandat ESG Negara

NSRF yang diterajui Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berpaksikan piawaian global yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa (“ISSB”). Rangka kerja ini memerlukan pendedahan berdasarkan IFRS S1 dan S2, yang merangkumi risiko berkaitan kemampanan dan iklim serta kesannya terhadap tadbir urus, strategi, pengurusan risiko, dan prestasi syarikat. Ia turut meliputi pelaporan pelepasan GHG Skop 1, 2 dan 3.

Pelaksanaan akan dijalankan secara berperingkat seperti berikut:

- Syarikat Tersenarai Utama Tier 1 (modal pasaran RM2 bilion dan ke atas) perlu melapor mulai 1 Januari 2025, dengan keperluan Skop 3 dan jaminan pihak ketiga bermula 2027;
- Syarikat Tersenarai Utama lain akan mula melapor pada 2026;
- Syarikat Pasaran ACE dan entiti tidak tersenarai yang menjana hasil RM2 bilion ke atas akan menyusul mulai 2027, dengan pematuhan penuh dijangka menjelang 2030.

Meskipun kebanyakan vendor Wasco masih belum tertakluk kepada peraturan ini, jangkaan daripada institusi kewangan, pelanggan antarabangsa, dan rakan industri semakin meningkat.

“Kami sedar bahawa ramai vendor PKS dalam rantai bekalan kami belum diwajibkan mematuhi keperluan pelaporan ESG. Namun, kesiapsiagaan tidak boleh menunggu sehingga peraturan dikuatkuasakan,” kata Ariesza. “Itulah sebabnya kami mengambil langkah lebih awal, bukan untuk mengaudit, tetapi untuk memperkasa.”

Perkongsian Ilmu dan Sokongan Lapangan

Program sehari penuh ini merangkumi pembentangan ucap tama, sesi panel, serta pameran tawaran vendor yang menawarkan panduan ESG praktikal yang disesuaikan untuk peserta rantai bekalan. Topik utama termasuk:

- Perkongsian kemampanan dan penyelarasan dengan Sepuluh Prinsip *UN Global Compact* (UNGC Malaysia & Brunei),
- Jangkaan tindakan iklim dan panduan pelaporan iklim (Bursa Malaysia), dan
- Piawaian hak asasi manusia dalam amalan perolehan dan pengambilan pekerja (pakar bebas).

Panel khas bertajuk “*Daripada Fasa Awal ke Menerajui: Kisah Sebenarnya Perjalanan Kemampanan*” akan berkongsi pengalaman sebenar dan pendekatan ESG praktikal yang relevan kepada PKS Malaysia yang sedang menerajui landskap ini yang terus berkembang. Sesi ini akan dipengerusikan oleh Freda Liu, wartawan penyiaran dan pengasas *The Shift Asia*, sebuah platform yang menonjolkan penggerak perubahan ESG di seluruh rantau ini.

Sepanjang hari, para vendor juga akan menerima sokongan langsung berkenaan cara menjejak pelepasan GHG, mengukuhkan pematuhan sosial, dan memenuhi standard perolehan mampan yang semakin berkembang.

Wasco melihat pelepasan GHG Skop 3 sebagai langkah kritikal seterusnya dalam strategi iklimnya. Dengan memperkukuh keterlibatan bersama pembekal, kumpulan ini memacu kemajuan dari bawah ke atas dalam usaha penyahkarbonan rantai nilai.

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media atau pihak media yang berminat untuk menghadiri acara ini, sila hubungi: -

Juliana Jamaluddin

juliana.jamaluddin@wascoenergy.com

+6012 340 9438

Elinar Yasmeen

elinar.yasmeen@wascoenergy.com

+6012 903 0342

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), ditubuhkan pada 1999, merupakan penyedia penyelesaian tenaga yang terkemuka dengan kehadiran global di 14 negara. Kekuatan utama Kumpulan terletak pada dua bahagian utama. Bahagian Perkhidmatan Tenaga mengkhusus dalam salutan paip canggih, perlindungan kakisan, kejuruteraan, dan penyampaian projek EPC. Sementara itu, Bahagian Perkhidmatan Biotenaga memberi tumpuan kepada penjanaan tenaga biojisim, melayani pelbagai sektor termasuk perladangan, petrokimia, oleokimia, dan pemain industri utama.

Sebagai entiti yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco menekankan kelestarian dan tanggungjawab alam sekitar dengan strategi dekarbonisasi Wasco bermula dengan pengurangan pelepasan dalam operasinya dan rantai bekalan, digabungkan dengan keupayaan untuk mengimbangi pelepasan.

Mencerminkan komitmennya terhadap ESG yang kukuh, Wasco merupakan sebahagian daripada Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah, menegaskan peranannya sebagai peneraju yang diiktiraf dalam prestasi kelestarian. Selain itu, Wasco merupakan peserta bangga dalam United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, mengintegrasikan Sepuluh Prinsip UN Global Compact ke dalam strategi dan operasinya, dengan tumpuan teguh pada hak asasi manusia, perlindungan alam sekitar, dan usaha anti-rasuah.

Wasco memperakui kepentingan pelaburan dalam perlindungan dan pemulihan ekosistem semula jadi, terutamanya hutan, yang memainkan peranan penting dalam menyerap karbon. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan alam semula jadi dan kepelbagaian biologi yang kaya,

tetapi juga menjadi penyelesaian jangka sederhana untuk mengimbangi pelepasan. Komitmen ini turut merangkumi inisiatif 'Wasco Forest' yang dilancarkan pada 2021.

Selain komitmen ini terhadap tanggungjawab alam sekitar, Wasco berpegang teguh pada peralihan tenaga dalam sektor minyak dan gas. Menyedari bahawa peralihan yang berjaya memerlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta, Wasco secara aktif mencari perkongsian strategik. Kumpulan ini membayangkan untuk memacu pertumbuhan dalam rangkaian nilai hijau serantau, memanfaatkan kepakaran dan keupayaan tempatan untuk membentuk masa depan yang lebih lestari bagi industri tenaga.

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*